

27/06/1998

Presiden dapat sokongan padu

PERHIMPUNAN Agung Umno dari Khamis hingga Ahad lalu dijangka dari awal lagi akan hebat. Ini kerana Ketua Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi dikatakan akan membawa soal kronisme dan nepotisme yang implikasinya mengaitkan kewibawaan kepemimpinan parti. Menjelang perhimpunan itu, surat layang, buku dan laporan dalam media dan luar negara ikut menghangatkan suasana dengan menumpukan perhatian kepada isu itu. Malahan dua majalah asing terus terang menggesa supaya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi laluan kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Tetapi segala andaian itu akhirnya meleset, bukan kerana isu kronisme dan nepotisme tidak dibangkitkan dalam perhimpunan itu melainkan kerana seluruh perwakilan termasuk Timbalan Presiden memantapkan barisan memperbaharui tekad berdiri teguh di belakang Perdana Menteri. Soal kronisme dan nepotisme diselesaikan dengan penjelasan Presiden bahkan ditutup secara muktamad dengan siaran lengkap senarai mereka yang menerima projek kerajaan.

Sekali gus pendedahan senarai itu membersihkan tohmahan dan dakwaan bahawa kerajaan menjalankan dasar pilih kasih, sebaliknya memperlihatkan dasar yang dijalankan sejak dilancarkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk melahirkan satu golongan usahawan Melayu.

Dr Mahathir menjelaskan bahawa senarai nama mereka yang mendapat manfaat daripada projek yang diswastakan serta peruntukan saham tidak saja dimaksudkan untuk menunjukkan keluasan penyebarannya tetapi juga untuk menghapuskan syak wasangka yang jahat mengenai mereka. Senarai itu termasuk juga nama Zahid yang kemudiannya membuat penjelasan mengenai pembabitannya dalam suatu projek memajukan Kampung Haji Abdullah Hukum di Kuala Lumpur. Zahid menerangkan bahawa dia hanya seorang pemegang amanah dalam syarikat yang menjalankan projek itu. Dr Mahathir pula menerangkan bahawa peruntukan saham dan projek tidak hanya diberikan kepada sebuah dua syarikat. Maka itu, dia menambah, tidaklah timbul amalan kronisme atau nepotisme, sambil menambah bahawa dasar DEB memang ditujukan untuk melahirkan jutawan Melayu, yang menjadi satu program membawa perubahan dalam masyarakat dengan mengagihkan kekayaan negara secara saksama di antara kaum.

DEB memang selamanya menjadi sasaran prasangka media Barat yang mencemuhkannya sebagai suatu dasar mendiskriminasi golongan rakyat bukan Bumiputera sambil menyindir bahawa kelahiran usahawan Bumiputera dalam era pembangunan negara selama ini bukan disebabkan kecekapan dan kegigihan mereka sebagaimana usahawan bukan Bumiputera tetapi ialah kerana mereka mendapat dukungan kerajaan. Sedangkan hakikatnya kejayaan dan prestasi golongan usahawan Melayu adalah lahir daripada prestasi mereka sendiri sebagai usahawan yang profesional. DEB hanya membuka peluang mereka untuk memasuki bidang ekonomi secara yang mengupayakan mereka bersaing atas asas yang kira-kira sama dengan usahawan bukan Bumiputera tetapi terserah kepada kecekapan dan kecekalan mereka masing-masing. Adalah malang sekali bahawa dalam kegawatan ekonomi sekarang, kedudukan mereka begitu tercabar sekali bersama usahawan bukan Bumiputera. Inilah 'tragedi' yang sering disebut oleh Dr Mahathir bahawa spekulator seperti George Soros dalam sekelip mata saja memusnahkan kejayaan ekonomi yang sudah kita bina sejak beberapa dekad lalu.

Kita dapat mengerti mengapa Dr Mahathir begitu keras sekali mendesak

agar apa yang disifatkannya sebagai 'market forces' harus dikawal. Tidak saja beliau tetapi juga pemimpin yang negara masing-masing dilanda krisis ekonomi. Baru-baru ini, Timbalan Perdana Menteri Thailand menyatakan bahawa satu sistem kawalan secara global yang berkesan harus diwujudkan ke atas pasaran mata wang antarabangsa sebagaimana kawalan dalam perkhidmatan dan barangan. Kawalan seperti ini, katanya, dapat membatasi krisis sekarang tetapi 'mekanisme' seperti itu belum diadakan lagi. Menurutnya, dalam era pensejagatan sekarang, pengaliran mata wang dan modal tidak harus tertakluk hanya kepada 'market forces' tanpa menghadapi bahaya yang besar. Walaupun kuasa besar menyedari masalah itu, hingga hari ini belum ada usaha untuk mengisi kesedaran itu dengan tindakan.

Gejala kronisme dan nepotisme memang satu faktor penting yang membawa kepada kegawatan ekonomi di Indonesia tetapi di Indonesia juga kegawatan ekonominya lebih besar disebabkan kelemahan dalam sistem perbankannya. Tetapi isu nepotisme dan kronisme lebih dibesar-besarkan kerana agenda penting Barat ialah untuk menyingkirkan Presiden Suharto.

Adalah tidak tepat sekali untuk menyamakan faktor yang membawa kepada kegawatan ekonomi di Indonesia dengan masalah yang dihadapi Malaysia. Indonesia menghadapi krisis ekonomi dan politik. Struktur dan sistem politik Indonesia rapuh dan yang demikian tidak terdaya menangani krisis ekonomi dan kewangannya. Sistem politik Indonesia bergantung hanya kepada 'seorang kuat' saja iaitu Suharto. Sistem politik Malaysia ditegakkan di atas sistem demokrasi sedang Barisan Nasional adalah sebuah kerajaan yang dipilih oleh lebih dua pertiga rakyat. Kestabilan politik Malaysia dapat dipertahankan hingga ke hari ini dan Insya-Allah akan dapat dipertahankan demi menangani dan mengatasi kegawatan ekonomi yang kita hadapi sekarang. Kini Jepun pula mengalami krisis ekonomi yang teruk hingga membimbangkan kuasa besar yang lain. Amerika sendiri cuba memujuk China agar tidak menurunkan nilai mata wangnya kerana sekiranya ini berlaku akan menambahkan parah lagi kegawatan ekonomi di Asia. Sudahpun terdengar amaran bahawa kegawatan ekonomi di Asia sekiranya tidak segera diatasi akan membabitkan seluruh dunia termasuk Amerika sendiri.

Seorang pemimpin kanan Kerajaan Thailand kelmarin mengingatkan bahawa kawalan terhadap pengaliran modal adalah amat penting untuk menghindarkan krisis itu menular ke seluruh pasaran kewangan di negara maju. Krisis seumpama itu, menurut pemimpin itu lagi, akan lebih besar daripada yang pernah dihadapi dunia dalam masa 40 tahun lalu.

Adalah lebih wajar kita melihat dan meneliti kegawatan ekonomi kita dalam konteks yang lebih luas agar kita tidak terjebak untuk membesar-besarkan masalah yang kecil seperti kronisme dan nepotisme kerana ia hanya akan mengaburkan mata kita untuk mengenal pasti apa yang sebenarnya menjadi punca masalah kita.

(END)